

16 JUL 1996

Annuar - Kelantan

PENTADBIRAN NEGERI KELANTAN BERMASALAH SETELAH EXCO S46 DIPECAT

ALOR SETAR, 16 Julai (Bernama) -- Jentera pentadbiran kerajaan negeri Kelantan pimpinan Pas tidak dapat berfungsi dengan sempurna setelah ia memecat empat anggota Exco kerajaan negeri dari Parti Melayu Semangat 46 (S46), kata Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa hari ini.

Beliau berkata Pas akan menghadapi masalah untuk mentadbir negeri itu kerana parti itu tidak mendapat sokongan mutlak rakyat Kelantan pada pilihan raya umum lepas.

"Tindakan Pas ini akan menyebabkan berlaku krisis politik yang berpanjangan, yang amat menyulitkan dan merugikan rakyat. Yang pasti kerajaan Pas Kelantan tidak mungkin dapat berfungsi kerana pemecatan ini tidak dibincang dahulu dengan Sultan Kelantan dan S46," katanya kepada pemberita selepas majlis taklimat pembangunan Lembaga Kemajuan Kedah (KEDA) di sini.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat semalam berkata kerajaan negeri akan merombak barisan Exco dan beliau akan menghadap Sultan Kelantan secepat mungkin untuk menyerahkan senarai nama anggota Exco yang baru.

Rombakan itu sebagai susulan kepada keputusan Pas secara rasmi memutuskan hubungan dengan S46 di semua peringkat.

Annuar, yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata beliau menjangkakan Sultan Kelantan tidak akan merestui rombakan itu manakala Exco S46 tidak akan melepaskan jawatan masing-masing.

"Memandangkan Pas membuat keputusan secara unilateral, tentu ia akan ditentang oleh S46 dan belum pasti mendapat perkenan Sultan. Ini akan merumitkan keadaan."

Beliau menjangkakan masalah itu bertambah rumit apabila kerajaan negeri membentangkan belanjawan pada penghujung tahun ini, yang memerlukan perkenan Sultan.

Annuar berkata Pas cuma ada satu jalan penyelesaian iaitu membubarkan Dewan Undangan Negeri dan menyerahkan kembali mandat kepada rakyat untuk membuat keputusan.

"Tindakan Pas memecat anggota Exco S46 sudah tentu tidak disenangi penyokong S46 yang memilih wakil rakyat Pas atas dasar S46 berada dalam Angkatan Perpaduan Ummah.

"Jangan lupa di Pasir Putih, Macang dan Tanah Merah ... wakil rakyat Pas menang hanya dengan majoriti beberapa ratus undi, yang saya percaya adalah undi orang S46.

"S46 juga berhak. Ini bermakna 24 kerusi yang Pas ada (dalam Dewan Undangan Negeri) bukanlah mandat yang mutlak daripada rakyat."

Annuar berkata Badan Perhubungan Umno Kelantan akan mengadakan mesyuarat khas pada Khamis dan Barisan Nasional Negeri pada Jumaat ini untuk menentukan tindakan selanjutnya.

Beliau akan mengemukakan laporan mengenai senario politik di negeri itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan. -- BERNAMA

BD MFJ MAI